

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 20, 2019 3:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Beri Tumpuan Khas Kutipan Zakat Setiap Tahun



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 MEI 2019 / 15 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM BERI TUMPUAN KHAS KUTIPAN ZAKAT SETIAP TAHUN



UUM ONLINE: "Pada tahun ini, saya berharap kutipan zakat akan meningkat daripada tahun sebelumnya dan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun sejajar dengan peningkatan gaji kita setiap tahun," kata Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada Majlis Pelancaran Zakat dan Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat di Foyer Canselori, pagi tadi.

Menurutnya, sebagai umat Islam yang berkemampuan, zakat fitrah merupakan tanggungjawab yang menjadi kewajipan kepada semua orang yang diwajibkan untuk membayarnya pada kadar sangat minimum apabila tiba bulan Ramadan sehingga ke pagi Syawal.

Katanya, menyedari hakikat tersebut, pihak universiti pada setiap tahun akan memberi tumpuan khas bagi menjalankan kutipan zakat fitrah di semua jabatan yang ada dan pada

tahun lalu sahaja UUM berjaya mengutip zakat fitrah mencecah RM50,000 dan diserahkan kepada Lembaga Zakat Daerah Kubang Pasu untuk dikumpul dan diagihkan semula pada tahun sama.

"Kerana dengan adanya zakat fitrah ini, golongan fakir dan miskin dapat bersama-sama bergembira meraikan Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, terutamanya golongan kanak-kanak apabila dapat membeli makanan dan pakaian baharu.

"Sehubungan itu, saya menggesa semua kakitangan UUM agar dapat mengeluarkan zakat fitrah kepada amil bertauliah dan semoga amalan puasa kita menjadi sempurna dengan adanya zakat fitrah yang dikeluarkan nanti," katanya.

Naib Canselor berkata, di universiti, sumbangan zakat banyak membantu golongan pelajar yang kurang berkemampuan dan beliau berharap lebih banyak konglomerat di Malaysia tampil menghulurkan zakat mereka agar universiti dapat salurkan kepada pelajar miskin dan saudara baru, selain kakitangan asnaf yang layak.

Tambah beliau lagi, bagi melaksanakan penerimaan dan agihan yang teratur dan telus, universiti telah melantik satu badan khas bagi mengawal selia urusan dan merencanakan tindakan yang tersusun kemas supaya pihak yang memberi dan menerima memperoleh kepuasan demi meningkatkan syiar Islam di UUM.

Pada majlis tersebut, Naib Canselor telah menerima sumbangan zakat bernilai RM55,000 daripada Bank Islam Malaysia Berhad yang disampaikan Pengerusi Lembaga Pengarah Bebas, Dato' Zamani Abdul Ghani.

Selain itu, beliau juga menyampaikan watak kenaikan pangkat kepada 20 staf akademik terdiri seorang Profesor VK7, 12 Prof. Madya (DS54), empat pensyarah kanan (DS52) dan tiga guru bahasa (DG44).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.